

E - BULETIN

EL-WAZIF

Bil. 15 / Sep-Okt 2022

Zakat Aset Digital

Editor

Aset dalam bentuk digital bukanlah terlalu lama dan tidaklah begitu baru bagi kita. Ada yang pernah mendengarnya dan ada pula yang baru pertama kali membaca di ruangan kalam editor ini. Tidak kira lah dari mana sumber maklumat tentang aset digital ini, ianya juga merupakan satu aset yang perlu dikeluarkan zakat.

Sebelum pergi lebih jauh, saya cuba sampaikan dahulu apa itu aset digital menurut sumber bacaan dari Internet yang didapati. Aset digital menurut pemahaman saya ialah nilai matawang kripto dalam bentuk digital atau dipanggil sebagai *cryptocurrency* seperti *Bitcoin*, *Ethereum*, *Theter*, dan *USD Coin*.

Adakah ianya benar-benar perlu dizakatkan? Berapakah nilai pengeluaran zakat yang perlu bagi individu? Bagaimana pula sekiranya ianya kepunyaan sesuatu organisasi atau perniagaan? Haa.... disebabkan itu saya memulakan perkongsian kali ini dengan tajuk sebegini. Tujuannya adalah untuk menyeru mananya asatizah, para ilmuan dan pakar rujuk untuk menghantarkan artikel berkenaan aset zakat ke atas aset digital ini dalam konteks Malaysia. Sasaran saya adalah untuk penerbitan



pada tahun hadapan (2023). Malah jika perlu, e-Buletin EL-WAZIF akan memberi ruang sebagai kolumnar atau penulis tetap bertujuan menyampaikan maklumat tentang tajuk ini kepada penulis berkenaan. Sudikanlah, hubungi kami di EL-WAZIF.



EL-WAZIF

e-Buletin

Bil 15/Sep-Okt 2022

UNIT WAKAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF)
UITM CAWANGAN MELAKA

Hakcipta Terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai, disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN 2805-5780

Diterbitkan oleh:

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),
UiTM Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka,
MALAYSIA.

Tel : 606-5582273,

Faks : 606-5582001

<https://melaka.uitm.edu.my/>

Saluran Komunikasi Unit EL-WAZIF,

UiTM Cawangan Melaka

E-mail : el-wazif@uitm.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/elwazifuitmcm>

eISSN 2805-5780



PENAUNG

YBHG. PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI ZAINI
REKTOR UITM CAWANGAN MELAKA

PENASIHAT

USTAZ ABDUL HADI BIN MOHD SALEH
PAKAR RUJUK WAQAF DAN ZAKAT, EL-WAZIF, UITM CAWANGAN
MELAKA

PENGERUSI

USTAZ MUAZ HJ MOHD NOOR
KOORDINATOR UNIT EL-WAZIF, UITM CAWANGAN MELAKA

EDITOR

MOHD NABIL BIN ZULHEMAY
PENYELARAS SEKSYEN WAQAF, UITM CAWANGAN MELAKA,
KAMPUS ALOR GAJAH

PENOLONG EDITOR

PUAN SHAHREENA BT DAUD
PENYELARAS SEKSYEN WAQAF, UITM CAWANGAN MELAKA,
KAMPUS BANDARAYA

AHLI JAWATANKUASA:

PELAPORAN AKTIVITI DAN SEMAKAN ARTIKEL

PROF. MADYA DR. ROZMAN BIN MD YUSOF
PENYELARAS SEKSYEN WAQAF, UITM CAWANGAN MELAKA,
KAMPUS BANDARAYA

USTAZ AHMAD AMMAR BIN ROZAINI

PENYELARAS SEKSYEN ZAKAT, UITM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS
BANDARAYA

PEREKA BENTUK GRAFIK

MOHD NABIL BIN ZULHEMAY
PENYELARAS SEKSYEN WAQAF, UITM CAWANGAN MELAKA,
KAMPUS JASIN

USTAZ MUHAMMAD FAIDZ MOHD FADZIL

PENYELARAS SEKSYEN INFQAQ, UITM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS
JASIN

ISI KANDUNGAN

E-BULETIN EL-WAZIF KINI DI HALAMAN SESAWANG UiTM

GOTONG - ROYONG MENGGALI LUBANG POKOK WAKAF BAGI PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (CSR): MENANAM POKOK WAKAF DUSUN ILMU (WaDI).	1
PROGRAM "CSR" TANAM POKOK @ WADI	2
CATATAN PROGRAM KEPIMPINAN ORGANISASI ISLAM (KORI) – MuSA DI UiTM MELAKA	3
MESYUARAT KHAS JPWK	5
TAKLIMAT PERMOHONAN ZAKAT KEPADA PELAJAR BARU	6
GELAGAT PENGGUNA MENURUT PANDANGAN MUHAMMAD NEJATULLAH SIDDIQI	7
UMRAH DIY: KENAPA MENJADI PILIHAN?	8
PERANGI RASUAH DALAM SEKTOR PEMBINAAN	10
INDAHNYA PERASAAN SELEPAS MENUNAIKAN ZAKAT	11
UMAR BIN ABD AL-AZIZ PEMIMPIN BERJIWA FILANTROPI	12
SEJADAH BIRU KASIH AGUNG SEORANG AYAH KEPADA ANAKNYA	13


E-BULETIN EL-WAZIF

Kini boleh diakses melalui laman web UiTM Cawangan Melaka



1. Layari laman web:


<https://melaka.uitm.edu.my/>



2.

Scroll paparan hadapan hingga halaman yang paling bawah, dan klik butang "VISIT"

3.



Pilih menu "Buletin UiTMCM El-Wazif". Dan anda kini boleh membaca dan memuat turun semua file e-Buletin

URL: <https://melaka.uitm.edu.my/index.php/en/news-uitmcm>

Inisiatif EL-WAZIF untuk menjadikan e-Buletin ini boleh diakses dengan lebih meluas kini menjadi kenyataan. Kini, e-Buletin EL-WAZIF dapat dibaca secara atas talian malah boleh dimuat turun melalui laman web rasmi UiTM Cawangan Melaka menerusi pautan

<https://melaka.uitm.edu.my/index.php/en/news-uitmcm>

Ke semua koleksi penerbitan e-Buletin EL-WAZIF boleh di dapat di laman sesawang berkenaan. Ini termasuklah dari awal penerbitan pada tahun 2021 yang lalu.

Terima kasih kepada koordinator terdahulu yang kini sedang cuti belajar menyambung pengajian beliau iaitu Ustaz Muaz di atas hasil usaha untuk menyenaraikan e-Buletin ini di halam sesawang tersebut.

Terima kasih juga diucapkan kepada pembaca dan penyumbang karya kerana terus menyokong hasil usaha EL-WAZIF tidak kira dari segi program yang dijalankan seperti WaDI, program-program filantropi dan penerbitan seperti ini.

Semoga segala yang diusahakan mendapat redha Allah.

GOTONG - ROYONG MENGGALI LUBANG POKOK WAKAF BAGI PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (CSR): MENANAM POKOK WAKAF DUSUN ILMU (WaDI).



Kerjasama EL-WAZIF, PTAR UiTM Cawangan Melaka & PAWE

Pada 8 September 2022, telah berlangsungnya satu program gotong-royong menggali lubang-lubang pokok yang telah diwakafkan untuk WaDI. Program ini merupakan satu kerjasama antara EL-WAZIF, PTAR UiTM Cawangan Melaka dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) UTC, Melaka. Program ini juga tergolong sebagai salah satu khidmat masyarakat.

Program berlangsung selama hampir 2 jam iaitu sekitar jam 8:00 pagi dan berakhir lebih kurang jam 10:00 pagi.

Terima kasih di atas kehadiran tuan puan ke program kali ini. Kemeriah dan kemesraan diantara peserta terzahir pada hari kejadian. Semua yang terlibat bekerjasama dalam satu pasukan untuk menjayakan program kali ini. Layari [Facebook rasmi EL-WAZIF](#) untuk melihat lebih banyak foto sekitar program berlangsung.



PROGRAM "CSR" TANAM POKOK @ WADI

Kerjasama EL-WAZIF, PTAR UiTM Cawangan Melaka & PAWE

TERIMA KASIH kepada Ybhg rektor UiTM Melaka, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini yang telah turun padang sekaligus merasmikan program khidmat masyarakat menanam pokok di WaDI. Tidak lupa kapada semua hadirin hadirat yang menjayakan program yang berlangsung pada pagi 13 September 2022.

Sekali lagi EL-WAZIF, PTAR UiTM Cawangan Melaka dan Pusat Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) UTC MELAKA bergabung bekerjasama menjayakan satu program dengan tema yang diberi iaitu 'Bakti di Dunia dan Saham Akhirat'.

Turut sama pada pagi itu ialah Tn Hj Ab Rahim Bin Tawel, Pengurus Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) UTC MELAKA, Pn Noor Hayati Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Melaka, dan En Muaz Mohd Noor, Koordinator Unit EL-WAZIF UiTM Cawangan Melaka.

Sebanyak 20 batang anak pokok limau kasturi yang diwakafkan telah ditanam pada hari kejadian. Selain itu, sebagai simbolik perasmian oleh Rektor, sebatang anak pokok durian jenis duri hitam (*black thorn*) telah ditanam pada hari kejadian oleh beliau. Liputan pebuhan dan gambar sekitar majlis, sila layari [Facebook rasmi EL-WAFIZ](#)



CATATAN PROGRAM KEPIMPINAN ORGANISASI ISLAM (KORI) – MuSA DI UiTM MELAKA

Oleh:

Dr. Md Azzaat Ahsanie bin Lokman & Norizah binti Mohamed @ Haji Daud,
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka

Akademi Pengajian Islam dengan kerjasama Muamalat Student Association (MuSA) telah mengadakan Program Kepimpinan Organisasi Islam (KORI), pada 12–14 September 2022. Program ini bertujuan untuk mendidik para pelajar untuk menjadi pemimpin dan melatih para pelajar untuk menguruskan organisasi sepanjang berada di kampus dan universiti. Selain itu, program ini juga merupakan platform para pelajar untuk mengeratkan ukhuwwah dengan para pensyarah ACIS memandangkan pengajaran dan pembelajaran pada semester lepas dilakukan secara online distance learning (ODL).

Para peserta program ini merupakan pelajar ambilan pertama Diploma Muamat (IC110) bagi semester Oktober 2021–Feb 2022, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) di Universiti Teknologi MARA Kampus Alor Gajah. Organisasi pelajar diterajui oleh persatuan Muamalat Student Association (MuSA) yang bertanggungjawab dalam menjalankan program para pelajar. ACIS mengambil inisiatif merancang dan melaksanakan program ini untuk tujuan memperkenalkan kepada para pelajar suasana dan persekitaran kampus, prasarana, kemudahan dan fasiliti yang ada di kampus memandangkan ini adalah kali pertama para pelajar masuk ke kampus. Antara program yang telah dilaksanakan adalah explorace yang mengkehendaki para pelajar menyelesaikan tugas di lapan chekpoint yang ditentukan oleh para fasilitator di sekitar kawasan kampus seperti KPP3, tasik, pejabat ACIS dan UHEI. Pelabagai tugas telah diagihkan seperti membuat ulasan bahan bacaan, membuat konten Tiktok Islamic, aktiviti mencabar minda, memegang barang amanah dan memperlihatkan semangat bekerjasama dan berpasukan.



Lampiran Lagu Perjuangan oleh Saff One


Perjuangan itu gerun dan mengerikan
Hebat dan dasyat menggerunkan hati
Bagi mukmin di sini harga dan nilainya
Bagi mukmin di sini harga dan nilainya

Perjuangan itu bagai sampan di laut
Di atas lapang tiada perlindungan
Di bawa air melambung dan menggunung
Menongkah gelombang yang datang melanda

Kiri kanan depan dan belakang
Angin yang menderu tidak tahu bila datang
Hujan badai yang datang menyerang
Bak singa yang lapar yang garang

Kadang-kadang terdampar di batu karang
Penumpang menerima nasib berlainan
Ada yang jatuh ada yang tenggelam
Yang pandai berenang berpaut ke sampan

Ada yang berjaya berenang ke tepian
Sekali lagi dia melayar sampan
Walau pelayaran mungkin tidak berjaya
Namun harapnya hanya pada Yang Esa



MESYUARAT KHAS JPWK

SEPTEMBER 29 - Mesyuarat khas Jawatankuasa Pelaporan Kewangan WaDI (JPWK) telah diadakan bagi membentangkan laporan kewangan pertamanya yang berakhir 31 Disember 2021. Tujuan pembentangan dilakukan adalah untuk mengemaskini maklumat kewangan bagi tempoh yang ditetapkan.

Laporan dibentangkan oleh team JPWK yang juga merupakan ahli dari unit Accounting Service Unit (ASU), Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Melaka.

Sebagai makluman para pembaca, ntara skop tugas JPKW ialah menyediakan pelaporan kewangan WaDI secara berkala (bulanan), menyediakan pelaporan kewangan tahunan dan menyediakan ringkasan prestasi tahunan.

Terima kasih kepada ahli JPWK iaitu Nur Farahah binti Mohd Pauzi sebagai ketua, Adriana binti Shamsudin, Mohd Syazwan bin Karim, Azlan Md Thani, Nurfarahin binti Roslan, dan Khairiah binti Ahmad.

Turut bersama dalam mesyuarat khas ini ialah Koordinator EL-WAZIF, Ustaz Muaz Mohd Noor dan Puan Fadzlina, kerani kanan EL-WAZIF.



TAKLIMAT PERMOHONAN ZAKAT KEPADA PELAJAR BARU

Semester baru sesi Oktober 2022 – Februari 2023 telah bermula. Seperti biasa, kami di EL-WAZIF masih komited menjalankan tugas sebagai pengantara kepada pelajar berkenaan perihal zakat. Ketika program Minggu Destini Siswa (MDS) tempoh hari, team kami telah mengadakan sesi taklimat permohonan zakat kepada para pelajar.

Seramai 2,200 pelajar baru telah mendaftar pada sesi kali ini. Itu bilangan yang mendaftar di Kampus Alor Gajah sahaja dan tidak termasuk di Kampus Jasin serta Kampus Bandaraya.

Taklimat telah disampaikan oleh Koordinator Unit EL-WAZIF, ustaz Muaz Hj Mohd Noor di Dewan Tamingsari, UiTM Kampus Alor Gajah, Melaka.



**TAKLIMAT
PERMOHONAN
ZAKAT**

Oleh:
USTAZ MUAZ BIN HJ MOHD NOOR
KOORDINATOR,
UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFIAQ (EL-WAZIF),
UITM CAWANGAN MELAKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
EL-WAZIF



Send message

Gelagat Pengguna Menurut Pandangan Muhammad Nejatullah Siddiqi

Oleh:

Normala Ismail dan Mohamad Kamil Ariff Khalid

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka

nmala391@uitm.edu.my

Berbicara mengenai teori gelagat pengguna dalam kerangka ilmu ekonomi telah bermula dari Barat dengan kemunculan fahaman kapitalis melalui konsep kepuasan (utilitarianisme) dan rasional (rasionalisme). Kedua-dua konsep ini mengandaikan bahawa pengguna adalah rasional apabila berjaya memaksimumkan kepuasan mereka. Bagaimana kepuasan ini diperoleh, tidak dipertikaikan oleh ekonomi konvensional kerana sifatnya yang tiada penghakiman nilai. Dengan kata lain, ekonomi ini melahirkan pengguna yang hanya bermatlamatkan kepuasan melalui pemilikan materialistik semata-mata. Hal ini jelas kerana ekonomi konvensional mengandaikan bahawa sumber-sumber ekonomi adalah terhad, sedangkan kehendak-kehendak manusia tidak terhad. Dari perspektif ekonomi Islam tidak sepenuhnya menolak andaian ini kerana bertanggapan bahawa kekurangan merupakan satu kenyataan dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, jika dilihat dari aspek rezeki yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, andaian ini secara automatiknya tertolak kerana setiap manusia itu telah dijamin bahagian masing-masing. Oleh itu dalam Islam, tidak boleh dipersoalkan tentang pengagihan dan pemerolehan sumber alam kerana kesemuanya adalah ketentuan Allah SWT. Justeru, pelbagai teori, model dan kajian gelagat kepenggunaan dalam Islam telah dibina dan dibincangkan. Antaranya adalah kajian oleh ahli ekonomi Islam Muhammad Nejatullah Siddiqi.

Muhammad Nejatullah Siddiqi (1992) berpendapat bahawa ahli-ahli ekonomi Islam boleh menggunakan analisis yang dibangunkan oleh ahli-ahli ekonomi konvensional sebagai proses pembelajaran. Namun, mereka perlu tetapkan batasan dalam pengaplikasian andaian-andaian yang berkaitan dengan gelagat pengguna. Oleh itu, dalam membincangkan mengenai gelagat pengguna Islam, beliau telah menitikberatkan empat perkara pokok yang boleh dijadikan iktibar melihatkan keadaan ekonomi semasa yang kurang stabil pada ketika ini. Pertama, dengan jelas dan

nyata, permintaan terhadap barang dan perkhidmatan yang dilarang seperti meminum minuman yang beralkohol, bermain judi atau mengambil rasuah kerana ingin cepat kaya mestilah sifar. Kedua, kecenderungan sesetengah pengguna terhadap barang dan perkhidmatan mewah (kamaliyyah) mestilah dikurangkan, malah beliau berpandangan bahawa sesetengah barang mewah tersebut perlu dihapuskan daripada permintaan. Ketiga, permintaan terhadap barang keperluan (daruriyyah) dan sebahagian daripada barang keselesaan (hajiyyah) mestilah dipertingkatkan bagi mencapai kesaksamaan dalam pengagihan pendapatan dankekayaan. Keempat, meningkatkan keperluan barang dan perkhidmatan bagi keperluan sosial seperti pendidikan dan kesihatan bagi mengurangkan permintaan terhadap barang mewah. Jika diteliti, Siddiqi memasukkan kesan faktor etika dalam proses membuat keputusan oleh pengguna Islam. Hal ini berbeza dengan ekonomi moden yang tidak memasukkan kesan faktor etika dalam teori gelagat kepenggunaannya. Dalam teori ekonomi neo-klasik, gelagat pengguna yang mementingkan diri sangat penting dan ditekankan kerana sikap tersebut berhubung rapat dengan tingkah laku rasional di mana setiap aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh pengguna jika tidak memaksimumkan kepentingan diri mereka adalah dianggap sebagai tidak rasional. Tingkah laku dan amalan seperti ini turut mempengaruhi gelagat pengguna dalam ekonomi Islam. Justeru, Siddiqi menyatakan bahawa permasalahan ini boleh diatasi jika pengguna kembali berpandukan prinsip-prinsip asas dalam ekonomi Islam. Tidak dapat dinafikan, sama seperti gelagat pengguna ekonomi konvensional, pengguna dalam ekonomi Islam juga dikatakan rasional apabila berjaya mencapai kepuasan maksimum melalui proses pembelian barang dan perkhidmatan yang terdapat dalam pasaran. Bezanya, konsep utilitarianisme dan rasionalisme dalam ekonomi Islam adalah berdasarkan kewujudan penghakiman nilai. Kepuasan dan kerasonalan maksimum yang diperoleh adalah berdasarkan konsep al-falah, iaitu dalam ekonomi Islam, gelagat kepenggunaan bukanlah semata-mata mencari kekayaan material di atas dunia, tetapi sebenarnya, berlumba-lumba mencari ganjaran pahala di akhirat.

Rujukan:

Siddiqi, M. N. (1992). Some notes on teaching economics in an Islamic Framework. In Sayyid Tahir, Aidit Ghazali & Syed Omar Syed Agil (Eds.). Readings in macroeconomics: An Islamic perspectives. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Siddiqi, M. N. (1979). The economic enterprise in Islam. Lahore: Islamic Publications Ltd

Umrah DIY: Kenapa menjadi pilihan?

Penulis:

Zaity Akhtar Mukhtar, Nik Rozilaini Wan Muhamad, Noor Ibtisam Abdul Karim

Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan

UiTM Cawangan Melaka



Umrah merupakan syariat agung di sisi Allah swt. Justeru itu bagi muslimin dan muslimat yang berkemampuan selain daripada panggilan Haji, umrah adalah ibadah yang sunat dilakukan berulang kali di mana seperti riwayat Al-Bukhari (1773) dan Muslim (1449) yang mana “Ibadah umrah kepada umrah berikutnya adalah kaffarah yakni penghapusan dosa di antara kedua-duanya.

Kebelakangan ini ramai rakyat Malaysia memilih untuk menunaikan umrah secara ‘DIY’ (Do it Yourself) berbanding dengan sebelum ini dimana agensi pelancongan Umrah & Haji seringkali menjadi pilihan jemaah. Mengapakah tren umrah begini semakin menjadi perhatian jemaah terutama sekali jemaah dari Malaysia.

Pilihan umrah ‘DIY’ menjadi perhatian pada masakini kerana jemaah bebas membuat pilihan mengikut bajet yang mereka inginkan disamping pemilihan penginapan dan juga bilangan hari yang ingin di pilih. Ini memberikan lebih kebebasan kepada jemaah selain daripada dapat membuat penjimatan terutama kepada jemaah yang pergi bersama keluarga.

Antara langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh jemaah Umrah ‘DIY’ adalah merancang keperluan mereka bagi melancarkan perjalanan umrah tersebut. Pertamanya adalah memohon visa sendiri secara atas talian iaitu melalui eVisa Arab Saudi. Terdapat 2 jenis visa yang ditawarkan iaitu visa umrah dan visa pelancong. Adalah lebih baik jika jemaah memilih visa pelancong kerana ia meliputi kebenaran menunaikan umrah disamping kos nya yang jauh lebih murah. Bagi yang memohon visa umrah perlu diingatkan bahawa permohonan akan ditutup sebulan sebelum musim haji.

Pasangan suami isteri yang memohon visa perlu diingatkan untuk menyertakan sijil perkahwinan, gambar ukuran paspot, dokumen paspot dan juga kad vaksin. Khidmat agensi juga boleh digunakan untuk perkhidmatan ini dengan sedikit bayaran jika jemaah enggan melakukannya sendiri.

Seterusnya bagi tiket penerangan, jemaah boleh menggunakan Skyscanner.com bagi mendapatkan harga tiket yang bersesuaian dengan bajet masing-masing. Bagi jemaah yang ingin pergi umrah musim

sejuk boleh memilih tarikh bersesuaian sepanjang bulan Disember sehingga hujung Februari pada setiap tahun. Jemaah perlu membuat pilihan samada turun di Jeddah atau Madinah . Ini kerana jika jemaah memilih untuk turun di Jeddah maka mereka perlu siap berpakaian ihram terlebih dahulu.

Bagi tempahan bilik penginapan boleh dilakukan melalui sistem Agoda.com , Booking.com atau pon tempah terus ke hotel yang diingini. Kenderaan ke hotel boleh ditempah menggunakan Uber atau Careem dan ini sangat menjimatkan dan tidak perlu khuatir akan ditipu. Manakala perjalanan dari Mekah ke Madinah jemaah boleh mengambil tekси yang lebih privasi dan fleksible. Keretapi laju Haramain juga boleh dijadikan pilihan kerana sistemnya yang efisyen dan mempunya pelbagai kemudahan.

Kesimpulannya pilihan umrah ‘DIY’ ini semakin menjadi pilihan kepada mereka yang tidak mahu terikat dengan aktiviti agensi pelancongan. Ianya juga dapat memfokuskan jemaah kepada keperluan dan kehendak mereka yang tersendiri.

Perangi Rasuah Dalam Sektor Pembinaan

Ditulis oleh:

Nurul Najihah Binti Mad Rosni


Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Kejuruteraan,
UiTM Cawangan Sarawak

Dalam meniti arus kemodenan ini, gejala rasuah semakin berleluasa dalam kebanyakan sektor industri di Malaysia. Salah satunya adalah industri pembinaan dimana gejala rasuah ini kelihatan seperti satu budaya dan amalan yang menjadi kebiasaan bagi mereka yang terlibat. Industri pembinaan sedang berkembang pesat dan menjadi antara tonggak utama sebagai penggerak ekonomi di Malaysia. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita semua bersama-sama menggembangkan keringat memerangi rasuah yang semakin membimbangkan.

Dalam usaha memerangi amalan rasuah ini, syarikat pembinaan, pihak kontraktor, badan-badan kerajaan seperti CIDB, SPRM, JKR, dan pihak pembekal perlu bergerak seiring dalam mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap amalan membabitkan rasuah. Proses penyeliaan dan pemantauan projek perlu dilaksanakan dari peringkat awal hingga projek siap sepenuhnya bagi mencegah ketirisan perbelanjaan dan memastikan kualiti pembinaan mencapai piawaian yang sepatutnya. Selain itu, proses pemilihan syarikat kontraktor untuk sesuatu projek perlu dilakukan secara telus mengikut garis panduan yang sepatutnya. Tindakan tegas perlu diambil kepada mana-mana ‘orang dalam’ yang didapati membocorkan maklumat serta menyalurkan data dalaman kepada kontraktor luar supaya tender dan sebut harga yang dikemukakan mereka menepati kriteria yang dikehendaki.

Dalam pada itu, setiap individu juga perlu mengamalkan nilai integriti kerana ini akan menentukan corak sesebuah masyarakat yang bebas rasuah. Sifat amanah, jujur, dan professional sangat penting bagi membantras amalan rasuah dalam sesuatu projek pembinaan. Peruntukan yang diberikan perlu digunakan sewajarnya supaya isu ketirisan tidak timbul sama ada daripada pihak pengurusan, pelaksanaan, staf bawahan atau lain-lain pihak yang terlibat. Setiap perbelanjaan dan pengurusan kerja perlu direkod dan diaudit dari semasa ke semasa oleh perunding yang dilantik.

Pendek kata, usaha mengatasi jenayah rasuah ini memerlukan kerjasama semua lapisan masyarakat. Pembangunan modal insan yang beretika tinggi perlu diterapkan sejak awal lagi melalui ibu bapa dan pendidikan di sekolah. Dengan ini, industri pembinaan akan menjadi tonggak utama kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara



Indahnya Perasaan Selepas Menunaikan Zakat

Oleh:

Salsiah binti Mohd Ali

Pensyarah

Fakulti Perakaunan, Kampus Puncak Alam

Menunaikan zakat merupakan satu kewajipan apabila telah cukup syarat wajib berzakat iaitu beragama Islam, merdeka, baligh dan berakal. Manakala harta itu perlu cukup nisab dan haul serta dimiliki secara sempurna. Pasti kita semua telah banyak mendapat pendedahan, mendengar dan mempelajari tentang kewajiban dan hikmah menunaikan ibadah zakat ini. Artikel ini bukanlah bertujuan untuk sekali lagi memperjelaskan kewajiban membayar zakat. Tetapi ingin mengulas tentang perasaan yang sangat indah yang Allah wujudkan selepas kita menunaikannya.

Ajaibnya ibadah zakat, tidak sedikitpun kita merasa telah berkurangnya wang dan simpanan kita selepas menunaikannya. Saya pasti, tentu ada dikalangan kita yang kadang kala berkira-kira untuk mengeluarkan zakat kerana asyik mengira dan menyemak jumlah simpanan atau jumlah gaji bulanan diterima sekiranya potongan zakat dibuat. Namun, sebagai Muslim, kewajipan sebagai Muslim yang termaktub dalam rukun Islam pasti akhirnya tetap menggerakkan kita untuk menunaikan ibadah zakat walaupun ada diantara kita yang agak keberatan diawalnya.

Ajaibnya, walaupun dengan perasaan agak berkira-kira sambil menyemak baki simpanan, namun selepas saja menunaikan ibadah mengeluarkan zakat, Allah mengurniakan satu perasaan luar biasa dalam diri kita. Perasaan bebas, tenang, cukup, dan ajaibnya, apabila sekali lagi kita menyemak angka simpanan selepas zakat dikeluarkan, tiba-tiba kita merasa cukup dan seolah-olah tidak berkurangpun wang simpanan kita. Tentu ada antara kita yang pernah mengalami situasi ini bukan?

Allahuakbar.

Sebenarnya sukar dijelaskan dengan kata-kata perasaan indah yang Allah wujudkan dalam diri kita selepas kita menunaikan ibadah zakat. Perasaan ihsan dan syukur menjadikan lebih yakin dengan rezeki dan pertolongan dari Allah. Sesungguhnya ketenangan, keberkatan dan tawakkal kita kepada Allah merupakan satu anugerah yang tak mampu dibeli dengan wang ringgit. Moga-moga kita akan memperoleh Redha dari Allah S.W.T.

Jadi tunggu apa lagi, jom kita berzakat!

Umar Bin Abd Al-Aziz Pemimpin Berjiwa Filantropi

Penulis:

Norafifah Binti Ab Hamid

Pensyarah Kanan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

UiTM Cawang Melaka Kampus Jasin

Pemerintahan Umar bin Abd al-Aziz sebagai Khalifah Bani Umayyah hanya berlangsung dalam tempoh yang singkat bermula pada tahun 99H dan berakhir pada tahun 101H. Walaupun dalam tempoh yang singkat tetapi pemerintahan beliau merupakan pemerintahan terbaik pada zaman Bani Umaiyyah. Kehidupan serba mewah yang beliau nikmati sebelum menyandang jawatan khalifah telah ditinggalkan kerana rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap kebajikan rakyat. Memerintah sebuah negara yang kaya bukan halangan kepada beliau untuk menjalani kehidupan dengan sederhana. Pada ketika itu kesejahteraan rakyat menjadi tumpuan utama pemerintahan beliau. Keperibadian beliau sebagai seorang pemimpin yang berjiwa filantropi ini jelas tergambar dari pelbagai kisah yang terkandung dalam catatan sejarah. Antaranya beliau menolak untuk menggunakan kenderaan khalifah yang diperuntukkan dengan meminta agar kenderaan tersebut dijual dan hasil jualannya dimasukkan ke dalam Baitul Mal. Selain itu beliau juga telah mengurangkan gaji khalifah beliau dan melebihkan gaji pegawainya.

Ini bertujuan agar para pegawai dapat menikmati keselesaan hidup sekaligus dapat menghindarkan mereka daripada penyalahgunaan kuasa. Bukan itu sahaja malahan tanah-tanah perumputan dan kawasan simpanan binatang buruan yang dikhaskan kepada pemerintah juga telah diagihkan kepada para petani yang tidak mempunyai tanah dan dijadikan harta awam. Beliau menggalakkan rakyat mengusahaikan tanah-tanah yang terbiar dan pihak pemerintah tidak akan mengambil hasil tersebut melainkan cukai kharaj. Dalam masa yang sama kebajikan anak-anak yatim dan masalah rakyat juga turut diberi perhatian dengan menghantar bantuan segera kepada mereka. Hasilnya pemerintahan yang diterajui berjaya mengubah masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik dari sudut ekonomi dan sosial walaupun pemerintahan beliau dalam tempoh yang singkat. Justeru kisah-kisah berkaitan jiwa filantropi Umar Bin Abd al-Aziz yang banyak terkandung dalam catatan sejarah perlu untuk ditelusuri buat pedoman generasi kini.



Sejadah Biru Kasih Agung Seorang Ayah Kepada Anaknya

Nukilan:

Narita Binti Noh

Pensyarah Kanan

Pusat Pengajian Kejuruteraan (Awam)

UiTM Pasir Gudang

Sekeping sejadah biru yang mungkin harga belasan ringgit 30 tahun dahulu adalah hadiah seorang ayah kepada anaknya untuk mengenal erti sujud kepada pencipta-NYA. Pemberian itu, hanyalah sekadar nafkah buat anak suatu ketika dahulu untuk menunaikan tuntutan tiang agama sebanyak lima kali sehari. Namun hari ini, sejadah itu adalah kenangan untuk si anak kepada si ayah yang telah berlepas ke alam barzakh. Berharap supaya setiap solat yang didirikan diatas sejadah itu adalah sedekah jariah yang berpanjangan yang menjadi saham akhirat buat si ayah.


Sejadah yang mungkin sederhana sahaja untuk keluarga b40 masih utuh dan kekal digunakan bertahun-tahun sedari sekolah rendah sehingga ke menara gading. Bahkan setelah berkerja, sejadah itu masih digunakan untuk menjalani ibadah sehari-hari.

Kekurangan sewaktu kecil mengajarku untuk tetap memakai barang yang masih elok. Ya, sejadah itu tidak rosak sedikit pun cuma mungkin ada sedikit pudar warna. Namun ia masih selesa digunakan. Dan aku mengambil ibrah dari seorang ayah yang tidak berwang sewaktu dulu cuba menyediakan keperluan ibadah si anak dengan sebaik mungkin. Walau tidak mahal tetapi kualiti tetap di ambil kira. Buktinya sejadah itu adalah jariah si ayah kepada anaknya untuk sujud mengenal Allah swt kekal 30 tahun dan semoga sejadah itu kekal utuh untuk kebaikan si ayah di alam barzakh.

. Wahai ibu, wahai bapa gapailah peluang ini, cubalah untuk menjadi ibu dan ayah yang menyediakan kelengkapan ibadah untuk anak-anak yang mungkin nilainya berpanjangan sehingga ke alam kubur.

Memetik tafsir alquran daripada surah al-Isra' ayat 26 yang membawa maksud "Dan berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing, dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau." Maka pada bulan Muharam ini, marilah kita sama-sama berazam untuk menjadi orang yang paling baik dengan ahli keluarga kita. Mungkin ada kebaikan yang kita lakukan menjadi saham akhirat yang berpanjangan.





SUMBANGAN WAKAF
DUSUN ILMU
JUMLAH TERKUMPUL
SEHINGGA OGOS 2022

KUTIPAN RMRM86,013.38
PERBELANJAAN
RMRM48,309.98
SASARAN RM150,000.00

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun BANK ISLAM
UiTM Cawangan Melaka 04024010017652
(Reference: 'Waqaf Dusun Ilmu').

Like & Follow

Ikuti perkembangan terkini program dan aktiviti wakaf, zakat dan infaq (sedekah) di UiTM Melaka melalui saluran Facebook (FB) dan Instagram (IG) rasmi Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka

Pengiklanan (Media Sosial)



Facebook EL-WAZIF UiTMCM



Instagram elwazif.edu.my

